

Mary Fatimah Subet (2012), Teori Relevans dalam Personifikasi, in Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal, Harishon Radzi (Eds.). Pemantapan dan Pembinaan Ilmu Linguistik Berasaskan Korpus (pg 207-223). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

BAB 11

Teori Relevans (TR) dalam Personifikasi

Mary Fatimah Subet

Pengenalan

Di Malaysia, terdapat beberapa kajian yang menerapkan Teori Relevans (TR) dalam analisis terhadap bahasa figuratif (BF), tetapi BF yang dikaji bukanlah BF daripada genre sajak. Kajian banyak berpusat kepada genre novel, cerpen, majalah humor, tatabahasa dan istilah seperti antara lain kajian Salmah Jabbar (1999), Maslida Yusof (1999), Muhammad Fauzi Jumingan (2003), dan Hasmidar Hassan (2006). Kajian ini merupakan kajian yang berusaha menerapkan TR dalam BF daripada genre sajak. Analisis TR akan dilakukan secara menyeluruh terhadap BF personifikasi yang dijadikan data dalam kajian ini.

Tujuan kajian ini antara lain adalah seperti berikut:

- i. menggariskan, mengenal pasti dan menentukan kategori serta jenis BF personifikasi dalam puisi-puisi yang boleh menggambarkan emosi.
- ii. membuktikan bahawa terdapatnya luahan emosi penyair dalam puisi dengan menggunakan BF sebagai media perantaraan dan mengenal pasti emosi positif atau negatif penyair.
- iii. membuktikan bahawa emosi penyair dapat dianalisis dengan menggunakan TR.

Kerangka Teori/Sumber Data

Kajian ini menggunakan TR kerana menurut pengasas teori ini iaitu Sperber dan Wilson, 1981 (dalam Nor Hashimah, 2003), BF seperti metafora, ironi dan hiperbola yang jelas sekali melanggar maksim kerjasama Grice dalam kaedah implikaturnya, masih ternyata tidak pernah gagal dalam menyampaikan mesej. Menurut mereka, mesej yang dikemukakan secara tersirat melalui penggunaan BF ini lebih berkesan tanpa menyinggung perasaan orang yang mendengar. Kajian ini berpendapat bahawa pandangan ini selaras dengan beberapa kajian yang dilakukan terhadap masyarakat Melayu yang banyak menggunakan kiasan dalam pertuturan mereka, malu untuk meluahkan perasaan mereka dan yang sering berselindung dalam percakapan mereka sebab jika bercakap secara langsung atau berterus-terang dikhuatiri akan menyinggung perasaan orang lain, misalnya, kajian R.J.Wilkinson dan R.O Winstedt (1957), C.Hooykaas (1965), Darus Ahmad (1974), M.G. Emeis (1975), Mohd.Taib Osman (1981), Asmah Haji Omar (1995), Nor Hashimah Jalaluddin (1991, 1992, 1995), Tan Mek Leng (1994), dan Jamaliah Mohd Ali (1995). Masyarakat Melayu dikatakan banyak mengemukakan bahasa-bahasa kiasan dalam pertuturan mereka seperti melalui penggunaan peribahasa dan pantun dan dapatan kajian menunjukkan walaupun cuma berkias ibarat, maksud yang hendak disampaikan oleh penutur

difahami oleh pendengar. Sebab itulah, bersandarkan pandangan Sperber dan Wilson ini, dan beberapa kajian berkaitan yang dilakukan di Malaysia, kajian ini berpendapat BF personifikasi juga boleh dijadikan bukti untuk mengiakan pandangan teoretis tersohor ini.

Lima baris sajak daripada lima buah sajak karya Usman Awang (UA) telah dipilih sebagai data kajian ini. Data kajian merupakan data kajian korpus daripada teks, kerana korpus juga melibatkan penggunaan data daripada teks bertulis. Korpus menurut *Kamus Linguistik* (1997: 141) bermaksud data mentah linguistik yang dikutip daripada kerja lapangan atau teks bertulis, dan dianalisis untuk membuat pernyataan saintifik tentang ciri fonologi, tatabahasa, atau leksikal sesuatu bahasa.

Kesemua 5 baris berkenaan merupakan BF personifikasi. Jadual 10.1 menunjukkan 5 data berkenaan.

Jadual 10.1 Data Personifikasi

Bil.	SAJAK	PERSONIFIKASI
1.	Ke Makam Bonda	Dua Nisan Terkapar Mati
2.	Pelacur Tua	Sebuah Dinding Tua
3.	Suasana	Hati Mereka Bersalaman Dan Saling Berpelukan
4.	Mata Ayah	Urut-Urat Daging-Daging Tua keras Terasa
5.	Gadis Kecil	Jiwanya didewasakan oleh pengalaman

Walau bagaimanapun, untuk tujuan penulisan bab dalam buku SKALi 09 , cuma satu data sahaja yang akan dibincangkan dengan panjang lebar. Data yang dipilih ialah data 1 iaitu “dua nisan terkapar mati” yang dipetik daripada sajak popular UA, iaitu “Ke Makam Bonda” (Usman Awang 1956).

Kajian ini mengemukakan istilah personifikasi dalam bidang kesusasteraan sebagai membawa maksud pemberian sifat manusia kepada objek atau konsep atau dikenali juga sebagai perorangan. Jadi dalam sajak-sajak di atas, kajian ini mengesan terdapat beberapa baris yang mengemukakan BF personifikasi, tetapi cuma satu data sahaja daripada setiap sajak akan dianalisis menggunakan TR. Walaupun cuma satu data sahaja akan dianalisis, kajian ini menegaskan bahawa kehadiran baris-baris lain yang membantu dalam penginterpretasian makna BF berkenaan juga akan diberikan perhatian. Dalam hal inilah, penelitian dilakukan terhadap leksikal-leksikal lain yang membantu dalam pentafsiran makna.

Analisis dan Perbincangan

Analisis TR dalam BF Personifikasi “Dua Nisan Terkapar Mati” (Sajak “Ke Makam Bonda”)

Berikut dikemukakan sajak berkenaan untuk mendapat kesan awal.

Ke Makam Bonda

*KAMI mengunjungi pusara bonda,
Sunyi padi disinari suria,*

*Wangi berseri puspa kemboja,
Menyambut kami mewakili bonda.*

*Tegak kami di makam sepi,
Lalang-lalang tinggi berdiri,
Dua nisan terkapar mati,
Hanya papan dimakan bumi.
Dalam kenangan kami melihat,
Mesra kasih bonda menatap,
Sedang lena dalam rahap,
Dua tangan kaku berdakap.*

*Bibir bonda bersih lesu,
Pernah dulu mengucupi dahiku,
Kini kurasakan kasihnya lagi,
Meski jauh dibatasi bumi.*

*Nisan batu kami tegakkan,
Tiada lagi lalang memanjang,
Ada doa kami pohonkan,
Air mawar kami siramkan.*

*Senyum kemboja menghantar kami,
Meninggalkan makam sepi sendiri,
Damailah bonda dalam pengabdian,
Insan kerdil mengadap Tuhan.*

*Begitu bakti kami berikan,
Tiada sama bonda melahirkan,
Kasih bonda tiada sempadan,
Kemuncak murni kemuliaan insan.*

(Usman Awang 1956)

Data (1) “Dua nisan terkapar mati” dalam sajak “Ke Makam Bonda” adalah BF personifikasi kerana “nisan”, iaitu sejenis benda diberi sifat manusia “terkapar” dan “mati”. Tetapi, seperti yang telah dinyatakan, kajian ini berpendapat kesemua baris puisi dalam sajak “Ke Makam Bonda” ini sebenarnya akan membantu dalam pengesanan makna implisit dan seterusnya mengesan emosi tersirat dalam sajak ini. Hal ini kerana dalam TR, bagi membolehkan kita mendapat maksud sebenar, maklumat tambahan perlu diberi. Dalam TR, ada beberapa cara untuk kita mendapat maklumat tambahan, misalnya melalui pengetahuan sedia ada, ensiklopedia, ujaran terdahulu, kenangan lucu, persekitaran dan sebagainya. Jadi, dalam konteks kajian ini, maklumat tambahan yang akan dikemukakan adalah daripada baris-baris puisi ini sendiri dan ditambah dengan andaian-andaian yang akan dibuat terhadap data (1) di atas. Maklumat tambahan melalui andaian-andaian ini akan menghasilkan kesan konteks yang banyak kerana dalam TR:

Semakin banyak kesan konteks sesuatu andaian itu ada, maka ujaran itu semakin bertambah kuat dan menjadi bertambah relevan.

(Nor Hashimah 1992: 37)

Sebelum melakukan analisis TR, terlebih dahulu dalam sajak UA ini iaitu sajak “Ke Makam Bonda”, kajian ini berpendapat keseluruhan maksud yang hendak dikemukakan dapat dikesan secara harfiah.

Secara harfiahnya, kajian ini mengesan bahawa sajak ini mengisahkan tentang beberapa orang anak mengunjungi pusara bonda mereka yang telah lama meninggal dunia. Ketika mereka mengunjungi pusara bonda mereka ini, keadaan di sekitar pusara sunyi sepi. Waktu mereka mengunjungi pusara bonda mereka ini adalah pada awal pagi. Pada waktu itu, keadaan amat sunyi dan hanya keharuman bunga yang dapat dihidu seakan-akan menyambut mereka yang datang menziarahi kubur. Di pusara ini, batu nisan telah tumbang dan lalang yang banyak dan tinggi telah menyelaputi batu nisan. Kajian ini mengesan sebenarnya keadaan ini menggambarkan kepada kita bahawa pusara ini telah lama tidak dikunjungi. Anak-anak ini terkenangkan kasih sayang dan kemesraan yang dicurahkan oleh ibu mereka terhadap mereka suatu ketika dahulu. Lamunan kisah silam mereka menjelma dan mereka merindui kucupan ibu mereka. Maka, jelaslah juga kepada kita, bahawa sajak ini mengisahkan tentang pengorbanan seorang ibu sewaktu melahirkan anak-anaknya dan kasih sayang yang dicurahkan kepada anak-anak ini tiada tolok-bandingnya. Semua orang mengetahui ketulusan kasih seorang ibu. Tetapi, semua ini secara harfiah sahaja dan biasanya UA akan membiarkan pembaca sajak-sajaknya mencari maksud yang tersirat itu. Hal ini dinyatakan seperti di bawah ini:

Puncak cerita disampaikan dengan tenang dan licin. UA tidak memperbesar-besarkan puncak ini tetapi membenarkan peristiwa itu meresap di bawah baris-barisnya. Permukaannya licin dan tidak banyak geloranya; ceritanya bergolak di bawah permukaan ini.

(*Laporan Panel Anugerah Sastera 1983*,: xlii)

Oleh itu, kajian ini berpendapat, dengan menggunakan TR, maksud keseluruhan sajak ini dapat diterokai lagi dengan lebih mendalam. Lagipun TR membenarkan kita melihat kepada kenangan dan sebagainya untuk mendapat konteks pemula. Oleh itu, setelah konteks pemula dikesan, makna tersirat dalam sajak ini akan dapat diketahui. Melalui kod, inferens dan andaian yang disyaratkan dalam TR, makna implisit sajak “Ke Makam Bonda” dapat dikesan.

Melihat pada data (1) sahaja, iaitu “Dua nisan terkapar mati”, makna di peringkat harfiah berdasarkan *Kamus Dewan* (2005) dapat diringkaskan seperti di bawah:

Jadual 10.2 Makna Linguistik “Dua Nisan Terkapar Mati”

Bil.	Personifikasi	Makna Linguistik
1	Dua nisan terkapar mati	<u>Dua</u> - (jumlah) satu dicampur (ditambah) satu (2), bilangan di antara satu dengan tiga; <u>nisan</u> - batu nisan; batu tanda pada kubur yang biasanya mempunyai nama, tarikh, dan sebagainya; orang yang dikebumikan; <u>terkapar</u> - terbaring (tidak berketentuan); <u>mati</u> - tidak

		<i>bernyawa lagi; tidak hidup lagi;</i>
--	--	---

Dalam pragmatik, makna di peringkat harfiah ini mudah difahami kerana:

Pandangan dari sudut pragmatik mempunyai beberapa implikasi yang boleh diuji. Pertama adalah kerana makna literal selalu mendahului/muncul sebelum makna figuratif, makna literal sepatutnya lebih mudah atau cepat untuk diketahui daripada makna figuratif...

(Caroll, D.W 2008: 145)

Makna di peringkat harfiah ini juga dikenali sebagai makna linguistik/makna literal (*seterusnya akan digunakan makna linguistik sahaja*). Berdasarkan pandangan di atas, makna linguistik mudah untuk difahami secara literal, tetapi oleh sebab BF mempunyai makna yang tersirat, maka makna sebenar yang didasari oleh makna linguistik secara literal ini tidak mampu difahami maksud yang sebenarnya tanpa dilakukan penginterpretasian yang lebih mendalam. Hal ini sejajar dengan pandangan di bawah:

...Makna yang diberikan ini merupakan makna linguistik, iaitu makna literal yang diberikan berasaskan susunan dan hubungan kata dengan kata dalam konteks ayat tersebut. Makna linguistik seperti ini nyata tidak dapat memberikan apa-apa penjelasan...

(Hasmidar Hassan 2006: 130)

Oleh sebab makna linguistik ini tidak dapat memberi makna sebenar yang hendak dikemukakan, di sinilah TR diperlukan. Maka kajian ini berpendapat dalam TR, frasa BF personifikasi (1) “Dua nisan terkapar mati” ini dapat dikemaskinikan lagi pengertian linguistiknya kerana dalam TR, proses menentukan kod, inferens dan seterusnya andaian dapat membantu melengkapkan pencarian maksud implisit dan seterusnya mengesan emosi daripada maksud implisit ini. Oleh itu, analisis data ini dengan TR adalah seperti berikut:

Jadual 10.3 Analisis TR dalam “Dua Nisan Terkapar Mati”

Analisis TR		
Data (1): Dua nisan terkapar mati		
Kod	Inferens	Andaian
nisan	kematian	<ol style="list-style-type: none"> 1. kematian itu telah lama berlaku 2. nisan telah kabur dan susah dibaca 3. nisan tidak dijaga dan dibersihkan, nisan berlumut 4. nisan hampir rebah/senget, nisan retak 5. sudah lama tiada orang mengunjungi pusara itu.

Setelah dianalisis berdasarkan TR, jelas sekali data (1) mudah diproses oleh pembaca setelah menentukan kod, membuat inferens dan menentukan andaian sebagaimana yang disyaratkan dalam TR. Semua ini akan mengarah kepada pengembangan konteks pemula tadi. Kajian ini mengesan setelah analisis TR dilakukan, konteks adalah tentang kematian. Setelah konteks dapat dikenal pasti, kajian ini juga berpendapat, interpretasi data (1) ini juga menjadi lebih mudah dengan melihat ujaran terdahulu dan juga ujaran yang wujud selepasnya untuk mengesahkan lagi konteks ini. Dalam TR, dengan melihat kepada ujaran yang terdahulu dan juga selepasnya ini akan membantu penginterpretasian makna menjadi lebih mudah. Hal ini telah ditekankan dalam TR:

Tidak ada jalan ringkas bagi menentukan konteks. Pendengar dapat mengembangkan konteks berdasarkan ujaran yang diujarkan oleh penutur, sama ada dengan merujuk kepada ujaran yang baru sahaja diujarkan atau yang pernah diujarkan oleh penutur. Setiap ujaran akan dapat difahami jika konteks perbualan antara penutur dengan pendengar seiringan.

(Nor Hashimah 1992: 38)

Dalam TR, ujaran selain data (1) tadi akan melalui sama ada proses penggabungan, ada yang akan melalui proses penguatan dan ada yang melalui proses pengguguran. Dalam TR, setiap proses ini penting dalam membantu untuk mendapat kesan konteks atau kesan kognitif yang semaksimum agar usaha memproses ujaran akan mencapai relevan yang tinggi. Hal ini dinyatakan seperti di bawah:

Kesan-kesan lain kognitif/kesan konteks termasuk penguatan, penelitian semula atau pengguguran andaian yang sedia ada...Menurut TR, sesuatu input itu relevan kepada seseorang individu apabila, dan cuma apabila, usaha memprosesnya menghasilkan kesan kognitif yang positif.

(Sperber and Wilson 2006: 3)

Oleh itu, perkara di atas akan boleh dicapai apabila pembaca dibekalkan dengan seberkas andaian yang bertindak sebagai rangsangan untuk mengetahui maksud sebenar yang hendak disampaikan oleh penutur kerana:

TR mendakwa bahawa yang membuat sesuatu input itu berhasil dipilih daripada banyak pilihan rangsangan bukan kerana input tersebut relevan, tetapi kerana input itu sangat relevan berbanding dengan pilihan input yang sedia ada kepada kita pada bila-bila masa. Secara intuitifnya, semua perkara/hal adalah sama tara/seimbang, kesimpulan yang paling banyak dan berbaloi dikesan melalui usaha memproses input berkenaan, maka semakin relevanlah input berkenaan. Dalam terma TR, semua perkara/hal adalah seimbang/sama tara, semakin kuat/tinggi/banyak kesan kognitif yang dicapai melalui usaha memproses sesuatu input itu, semakin tinggilah kerelevanannya.

(Sperber and Wilson 2006: 3-4)

Seterusnya, dalam TR, kesan konteks sangat penting untuk mendapat relevan yang optimum kerana:

Kesan konteks ialah andaian awal yang ada pada pendengar tentang maklumat yang relevan dengan diri pendengar itu. Kesemuanya tersimpan sebagai catatan ensiklopedia. Dalam perbualan pendengar akan menggabungkan, atau memperkuat, atau menggugurkan konteks yang dikemukakan oleh penutur dengan andaian awal yang sedia ada untuk menghasilkan kesan konteks.

(Nor Hashimah 2003:50- 51)

Oleh itu, kajian ini berpendapat dengan adanya beberapa baris lain yang wujud dalam sajak ini, akan memudahkan lagi usaha mencari maksud tersirat data (1). Kajian ini mengesan tiga baris berkenaan yang juga adalah terdiri daripada BF personifikasi. Baris-baris berkenaan adalah seperti berikut:

Jadual 10.4 BF Personifikasi

Baris	
(a).	Tegak kami di makam sepi
(b).	Lalang-lalang tinggi berdiri
(c).	Hanya papan dimakan bumi

Baris (a) “tegak kami di makam sepi” ialah BF jenis personifikasi kerana terdapat sifat manusia iaitu sepi yang diberi kepada konsep makam. Secara harfiah, makam membawa maksud kubur, dan sepi bermaksud sunyi. Jadi makna di peringkat linguistik ialah kami (anak-anak arwah) berdiri di sebuah kubur yang sunyi. Tiada bunyi kedengaran langsung, misalnya bunyi unggas, tidak berorang, kosong dan lenggang. Pendek kata, keadaan di tanah perkuburan itu sunyi sepi. Keadaan ini dapat digambarkan secara harfiah berdasarkan *Kamus Dewan* (2005) di bawah:

Jadual 10.5 Makna Linguistik “Tegak Kami Di Makam Sepi”

Baris.	Personifikasi	Makna Linguistik
(a).	Tegak kami di makam sepi	<ul style="list-style-type: none"> <u>tegak</u> - berdiri; <u>kami</u> - saya sekalian (saya dan rakan-rakan saya semua); <u>di makam</u> - di kubur; <u>sepi</u> - tidak riuh, senyap, sunyi;

Kajian ini berpendapat, makna linguistik yang diperoleh seperti di atas, cuma memberitahu kita kelakuan “kami” yang berdiri tegak ketika berada di tanah perkuburan. Tetapi, dalam pragmatik, biasanya, makna linguistiklah yang akan memberi laluan kepada penemuan makna implisit. Setelah makna implisit ini dikesan, makna inilah yang sebenarnya dan seharusnya diberi perhatian, dan bukan lagi makna linguistik tadi. Hal ini telah dinyatakan seperti di bawah:

Teori pragmatik menegaskan bahawa kita menerima makna figuratif setelah mengambil kira makna literalnya, kemudian makna literal ini akan diketepikan.

(Caroll, D.W 2008: 145)

Oleh itu, berdasarkan pandangan di atas, kajian ini berpendapat UA sebenarnya bukan hendak memberitahu kita cuma tentang aksi atau kelakuan anak-anak arwah/bonda dalam konteks ini. Begitu juga UA bukan sekadar hendak menyatakan tentang keadaan kawasan kubur yang sepi dan sudah lama tidak dikunjungi tetapi sebenarnya ada maksud tersirat yang perlu digali dalam baris ini. Oleh itu, kajian ini seterusnya berpendapat, ada sesuatu yang lebih mendalam daripada hanya berdiri di sebuah kubur yang sepi. Makna sebenar ini boleh diterokai dengan konsep kemungkinan andaian dalam TR. Oleh itu, analisis TR bagi baris (a) “tegak kami di makam sepi” adalah seperti berikut:

Jadual 10.6 Analisis TR dalam “Tegak Kami Di Makam Sepi”

Analisis TR		
Baris (a). Tegak kami di makam sepi		
Kod	Inferens	Andaian
makam	kematian	<ol style="list-style-type: none"> 1. “kami” mengunjungi pusara bonda 2. “kami” tidak mampu berkata-kata 3. wajah ibu terbayang dalam ingatan 4. “kami” mengimbau kenangan lalu bersama bonda, kenangan manis mahupun pahit bersama ibu 5. timbul perasaan sedih sebab kematian ibu 6. “kami” merindui ibu yang telah tiada 7. “kami” menyayangi ibu 8. “kami” kesal sebab tidak dapat membalas jasa ibu 9. “kami” kesal sebab sudah lama tidak menziarahi pusara bonda

Seterusnya, kajian ini juga berpendapat, baris (a) “Tegak kami di makam sepi” dan andaian-andaiaannya boleh digabungkan seterusnya dengan baris (b) “Lalang-lalang tinggi berdiri”, data utama (1) “Dua nisan terkapar mati” dan baris (c) “Hanya papan dimakan bumi”. Dalam TR, proses ini disebut sebagai penggabungan maklumat.

Penggabungan maklumat berlaku apabila andaian awal pendengar dapat digabungkan dengan maklumat baharu penutur untuk menghasilkan kesan konteks yang dapat membantu pendengar memproses mesej penutur dengan mudah.

(Nor Hashimah, 2003: 51)

Tetapi, sebelum melakukan penggabungan maklumat, analisis TR dilakukan satu-persatu dahulu terhadap maklumat tambahan iaitu baris (b) dan baris (c) ini. Bagi baris (b) “lalang-lalang tinggi berdiri” juga merupakan BF jenis personifikasi. Lalang itu merupakan benda (tumbuhan) yang mempunyai sifat manusia yang tinggi dan berdiri. Jika ditinjau makna linguistik, “lalang-lalang tinggi berdiri” cuma memberitahu kita tentang keadaan tumbuhan lalang yang sudah tinggi. Itulah makna linguistik data ini yang dipetik daripada *Kamus Dewan* (2005). Hal ini dapat digambarkan seperti di bawah:

Jadual 10.7 Makna Linguistik “Lalang-Lalang Tinggi Berdiri”

Baris.	Personifikasi	Makna Linguistik
(b).	Lalang-lalang tinggi berdiri	<ul style="list-style-type: none"> • <u>lalang-lalang</u> - tumbuhan (rumput yang tinggi); <u>tinggi</u> - jauh ke atas; lawan rendah; <u>berdiri</u> - tegak di atas kaki;

Itulah makna linguistik baris (b) ini. Tetapi, apabila baris (b) ini juga melalui analisis TR, kemungkinan andaian-andaian berikut pula dapat diperoleh:

Jadual 10.8 Analisis TR dalam “Lalang-Lalang Tinggi Berdiri”

Analisis TR		
Baris (b). Lalang-lalang tinggi berdiri		
Kod	Inferens	Andaian
lalang	Tumbuhan terbiar	<ol style="list-style-type: none"> 1. ibu telah lama meninggal dunia 2. pusara itu sebenarnya telah lama tidak dikunjungi 3. pusara itu tidak dibersihkan, semak-samun menyelubungi pusara berkenaan, pusara terbiar 4. “kami” kesal tidak mengunjungi pusara ibu

Analisis baris (c) “Hanya papan dimakan bumi” seterusnya dilakukan. Data ini juga ialah personifikasi kerana bumi itu diberi sifat manusia yang boleh “memakan” papan. Kajian ini mengesan makna linguistiknya berdasarkan *Kamus Dewan* (2005) adalah seperti berikut:

Jadual 10.9 Makna Linguistik “Hanya Papan Dimakan Bumi”

Baris.	Personifikasi	Makna Linguistik
(c).	Hanya papan dimakan bumi	<ul style="list-style-type: none"> • <u>Hanya</u> - tidak lebih daripada, cuma, sahaja; <u>papan</u> - keping kayu yang nipis atau lebar; <u>dimakan</u> - memakan, supaya sesuatu dimakan; <u>bumi</u> - permukaan bumi; tanah;

Tetapi, bukan makna linguistik tersebut yang menjadi persoalannya. Ada sesuatu yang tersirat yang hendak disampaikan oleh UA melalui baris ini. Oleh itu, maksud yang tersirat ini dapat diterokai dengan aplikasi TR. Analisis TR bagi baris (c) “hanya papan dimakan bumi” adalah seperti berikut:

Jadual 10.10 Analisis TR dalam “Hanya Papan Dimakan Bumi”

Analisis TR		
Baris (c). Hanya papan dimakan bumi		
Kod	Inferens	Andaian
papan	keranda	<ol style="list-style-type: none"> 1. tiada jasad yang tinggal, yang tinggal cuma tulang-temulang 2. kematian ditentukan Tuhan, tiada apa-apa

		yang boleh dilakukan 3. yang tinggal cuma kenangan
--	--	---

Kajian ini juga mendapati, data (1) tadi iaitu “Dua nisan terkapar mati” dan tiga baris di atas iaitu baris (a), (b) dan (c) mengemukakan konteks yang sama, iaitu perkara yang berlaku dan dijangka berlaku apabila dikaitkan dengan kematian. Hal ini demikian kerana apabila mengambil kira maksud konteks sebagai seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar, hal ini membantu dalam penginterpretasian makna menjadi lebih mudah, di samping menjadikan maksud yang dikemukakan sangat relevan kerana kemampuan untuk menghubungkan konteks adalah penting bagi membolehkan ujaran menjadi relevan, kerana dalam TR:

Sesuatu andaian menjadi relevan dalam sesuatu konteks, jika dan hanya jika ia mempunyai beberapa kesan konteks ketika berada dalam satu konteks. Kemampuan untuk menghubungkan konteks adalah penting bagi membolehkan ujaran menjadi relevan.

(Nor Hashimah 1992: 35)

Di samping itu, andaian-andaian yang dikemukakan di atas melalui proses penggabungan kerana data-data ini boleh digabungkan untuk tujuan pengukuhan makna.

Jadi, jelaslah kepada kita bahawa data 1 daripada BF personifikasi ini mengundang kita untuk mentafsir makna tersiratnya. Daripada hanya menerima sahaja baris literal yang berbunyi “Dua nisan terkapar mati”, kajian makna di sebalik baris literal ini menjadi semakin menarik apabila kajian ini mendapati dengan analisis TR yang dilakukan, baris literal ini menyembunyikan makna tersirat yang menjangkau lebih daripada makna literalnya. Oleh itu dapat dikesan makna tersirat data ini iaitu keadaan batu nisan yang sudah senget kedudukannya, hampir-hampir rebah, tidak seperti mula-mula dipacakkan dahulu ketika pengebumian jenazah dilakukan. Turut tergambar keadaan sebuah keranda yang reput.

Dari segi linguistik di peringkat semantik, makna yang didapati hanyalah makna-makna logik yang menyatakan kedudukan batu nisan iaitu batu kubur yang hampir jatuh. Hal ini belum dapat menggambarkan keadaan dua nisan yang terkapar mati. Maka, hal ini perlu kepada TR untuk menerangkan makna sebenar. Daripada TR, dapat ditentukan kod, inferensi dan andaian-andaian. Daripada andaian-andaian tadi, dapat dicari andaian yang paling relevan atau andaian yang terbaik kerana TR memberi peluang mencipta andaian yang terbaik yang dapat difokuskan. Maka, melalui penggabungan makna, jelas makna semantik gagal memberi makna lanjutan. Makna daripada analisis TR jelas sekali tentang kematian. Maka, makna inilah yang paling relevan ditemui dalam data “dua nisan terkapar mati”.

Kesan Emosi dalam Personifikasi “Dua nisan terkapar mati”

Daripada andaian-andaian yang dikemukakan di atas, kajian ini berpendapat UA dan pembaca puisi beliau mampu berinteraksi dan berkongsi serta mengalami dan menghayati maksud yang disampaikan secara tersirat dalam sajak berkenaan. Setelah analisis terhadap BF personifikasi dilakukan dengan aplikasi TR, ada antara andaian-andaian berkenaan memaparkan

perkataan yang boleh dijadikan sebagai bukti leksikal yang boleh membawa kepada penghasilan emosi. Seperti yang telah dinyatakan, bukan setakat menganalisis data (1) BF personifikasi ini sahaja yang mampu mengesan maksud tersirat sajak ini, tetapi pengesanan menjadi lebih mudah dengan kehadiran leksikal-leksikal yang lain dalam sajak ini, baik melalui baris-baris lain sajak ini mahupun melalui andaian-andaian yang dikemukakan. Hal ini kerana ada pandangan yang mengatakan bahawa kewujudan leksikal yang berkaitan boleh dijadikan sebagai bukti kepada adanya pernyataan emosi yang tersirat seperti pandangan di bawah ini:

Pendekatan interaktif menekankan kita menggunakan kesemua maklumat yang diperoleh, termasuk leksikal, wacana, dan faktor konteks...tetapi kebanyakan ayat yang kita guna seharian tidak sepatutnya diterima secara literal begitu sahaja. Sebagai contoh ayat ini "*George went through the roof*", tidak ada seorang pun yang sepatutnya menerima bulat-bulat makna literalnya, tetapi sebaliknya makna ayat yang hendak diujarkan ialah George sangat marah. Begitu juga dengan ayat "*Birds of a feather flock together*" pula yang secara literalnya merujuk kepada perlakuan burung tetapi sebenarnya merujuk kepada hal ehwal yang berkaitan dengan manusia.

(Carroll, D.W 2008: 140-141)

Pandangan di atas selaras dengan TR yang turut menggagaskan konsep ad hoc. Maka, dalam aplikasi TR, kewujudan konsep ad hoc membantu interpretasi menjadi semakin mudah.

Kajian ini juga akan menggunakan kehadiran baris-baris lain atau leksikal-leksikal lain dalam sajak yang sama sebagai sumber pengayaan atau rujukan untuk mengukuhkan lagi penginterpretasian makna tersirat. Hal ini dibenarkan dalam TR kerana adanya konsep ad-hoc tadi. Kewujudan leksikal-leksikal lain dalam baris-baris puisi ini sama ada dari jenis BF yang sama atau yang bukan daripada jenis BF juga turut membantu pemahaman ujaran sebenar yang hendak disampaikan. Baris-baris dan leksikal-leksikal tersebut dapat berperanan sebagai konsep tambahan atau konsep ad-hoc yang dibina oleh pendengar untuk mengukuhkan lagi pemahaman mereka. Sebenarnya, penginterpretasian makna menjadi lebih mudah lagi apabila dalam TR itu membenarkan penggunaan konsep ad hoc ini. Terdapat dua konsep ad hoc dalam TR. Konsep-konsep tersebut ialah konsep ad hoc perluasan dan konsep ad hoc penyempitan. Hal ini selaras dengan perkara di bawah:

"...adalah dicadangkan bahawa dapatan-dapatan daripada aplikasi konsep ad hoc boleh didapati sama ada secara penyempitan atau perluasan terhadap makna linguistik yang spesifik: iaitu konsep yang dikomunikasikan boleh lebih spesifik atau lebih umum sifatnya berbanding dengan konsep yang dikodkan. Ini memberi ruang kepada kebarangkalian penyempitan dan perluasan leksikal (atau gabungan kedua-duanya) adalah hasil daripada proses interpretasi tunggal yang akhirnya boleh dihalusi atau dikembangkan lagi untuk mencari interpretasi makna untuk kesemua perkataan"

(Deidre Wilson and Robyn Carston 2007: 2-3)

Oleh itu, untuk mencari makna tersirat sajak-sajak UA, kajian ini berpendapat sama ada konsep ad hoc perluasan ataupun ad hoc penyempitan, kedua-duanya membantu penginterpretasian makna menjadi semakin mudah. Hal ini kerana konsep ini memberi tumpuan

kepada kehadiran leksikal dalam apa-apa bentuk yang boleh diinterpretasikan. Dalam konteks kajian ini, bentuk yang dimaksudkan ialah penggunaan BF, sama ada dalam bentuk metafora, ironi, hiperbola, personifikasi dan simile. Selain itu, juga termasuk bentuk-bentuk kiasan yang lain dan perlambangan ataupun ujaran yang tidak literal. Pendek kata, perkataan-perkataan yang bukan daripada kategori BF namun menyumbang kepada interpretasi makna dilakukan dengan mudah juga diambil kira.

Berdasarkan maklumat perihal konsep ad hoc di atas, kajian ini berpendapat leksikal seperti “tidak mampu berkata-kata”, “terbayang dalam ingatan”, “mengimbau kenangan lalu”, “mengimbau kenangan manis mahupun pahit”, “sedih”, “rindu”, “menyayangi” dan “kesal” yang tersembunyi pada mulanya, tetapi dapat dikesan dalam andaian-andaian di atas, telah lama wujud dalam sanubari dan boleh dijadikan bukti leksikal tentang adanya penghasilan emosi dalam puisi UA “Ke Makam Bonda” ini. Selain konsep ad hoc ini, untuk mensahihkan lagi kebenaran interpretasi, soal selidik dilakukan. Daripada soal selidik ini, kajian ini dapat mengesan bahawa 90 % responden memilih analisis makna menggunakan TR, dan cuma 10 % sahaja yang memilih analisis makna secara literal. Hal ini membuktikan analisis TR menjadi pilihan dalam mengesan makna tersirat yang tidak terungkap itu.

Selain itu, pendek kata, kajian ini berpendapat, di mana-manapun di dunia ini, jika berlaku kematian terhadap seseorang yang sangat disayangi, pelbagai emosi di atas akan dirasai. Oleh itu, daripada maklumat yang diperoleh di atas, kajian ini seterusnya melakukan pengesanan emosi tersirat dalam sajak berkenaan. Setelah analisis TR dilakukan, emosi sedih jelas sekali mendominasi sajak ini. Daripada kajian terhadap 20 responden untuk data ini sahaja, responden diminta untuk memilih analisis makna pilihan mereka sama ada makna literal atau makna TR dan kemudian mereka diminta memilih mana-mana emosi yang dapat mereka kesan, tanpa mengambil kira makna pilihan mereka. Kajian ini dapat mengesan bahawa sebanyak 75% responden mengatakan bahawa mereka mengalami emosi sedih. Walau bagaimanapun, kajian ini menegaskan bahawa emosi sedih ini tidak dinyatakan secara terang-terangan, tetapi lebih dalam bentuk simbolik melalui BF personifikasi tadi, dan dapat dikesan dengan bantuan-bantuan leksikal yang berkenaan dalam sajak ini, sama ada dalam baris-baris sajak secara amnya mahupun dalam andaian-andaian yang telah dikemukakan secara khususnya melalui aplikasi TR seperti di atas. Lagipun, tentang terdapatnya emosi tersirat dalam sajak UA ini telah diakui sejak lama lagi, cuma belum dibuktikan dengan apa-apa teori dan dikemukakan secara umum seperti dalam kenyataan di bawah:

Suatu lagi ciri bahasa Usman ialah pentingnya unsur-unsur perasaan dalam perkataan yang dipilihnya. Perkataan-perkataan ini membawa bersamanya jalinan siratan makna emosi yang agak tebal...Dalam banyak karyanya, emosi menjadi landasan penting pergerakannya.

(*Laporan Panel Anugerah Sastera 1983: xliii*)

dan;

Lihatlah puisinya “Ke Makam Bonda”. Tajuknya sahaja sudah cukup menimbulkan emosi...

(Jaafar Abdul Rahim 2006: 149)

Oleh itu, berdasarkan pandangan di atas, jelas sekali kepada kita bahawa leksikal-leksikal tertentu dalam sajak UA membawa bersamanya jalinan siratan makna emosi yang agak tebal dan mengundang kita untuk mengisi makna ke dalamnya, dan dalam konteks kajian ini, usaha dilakukan untuk mencari makna tersirat berkenaan yang seterusnya pula mengandungi emosi tersirat UA.

20% responden mengatakan bahawa wujud emosi kasih sayang. 15% responden menyatakan bahawa mereka dapat merasakan bahawa wujud emosi rindu dalam diri mereka. 75% responden menyatakan wujud emosi simpati dan 60% responden menyatakan emosi kesal turut dirasai ekoran anak-anak bonda yang sudah lama tidak menziarahi makam bonda mereka.

Kesimpulan

Analisis TR mampu mengetengahkan maksud di sebalik baris-baris eksplisitnya. Penggunaan TR dapat menghuraikan BF personifikasi dalam puisi ini secara lebih deskriptif setelah interpretasi makna dilakukan secara menyeluruh. Pendek kata, kewujudan BF personifikasi itu sendiri membantu sepenuhnya dalam interpretasi kerana jelas kepada kita bahawa penggunaan BF dan dalam konteks kajian ini BF personifikasi dapat menggerakkan daya imaginatif pembaca supaya turut mengalami kesan-kesan emosi berkenaan. Kita seolah-olah dapat merasakan adanya emosi yang tercetus setelah mengetahui makna tersiratnya, sama seperti emosi penyair yang lebih memahami sajak hasil luahan hatinya.

Jadi, jelaslah kepada kita bahawa data 1 daripada BF personifikasi ini mengundang kita untuk mentafsir makna tersiratnya. Daripada hanya menerima sahaja baris literal yang berbunyi “Dua nisan terkapar mati”, kajian makna di sebalik baris literal ini menjadi semakin menarik apabila kajian ini mendapati dengan analisis TR yang dilakukan, baris literal ini menyembunyikan rasa emosi yang menjangkau lebih daripada makna literalnya.

Bibliografi

- Asmah Hj.Omar.1995. Indirectness as a rule of speaking among the Malays. Dlm Rules of speaking. Zainab Abdul Majid dan Loga Baskaran (pnyt).1995.Petaling Jaya: Pelanduk Publication.
- Caroll, D.W. 2008. Psychology of language.Canada: Thomson Wadsworth.
- Carston, R. dan Wilson, D. 2007. A Unitary Approach to Lexical Pragmatics: Relevance, Inference and Ad Hoc Concepts. [Http://www.phon.ucl.ac.uk/home/robyn/pdf/Wilson-Carston-Unitary-Approach-2007.pdf](http://www.phon.ucl.ac.uk/home/robyn/pdf/Wilson-Carston-Unitary-Approach-2007.pdf)
- Darus bin Ahmad.1974. Persuratan Melayu: lama-baru. Pulau Pinang: Sinaran.
- Emeis, M.G. 1975. Bunga rampai Melayu kuno.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasmidar Hassan (2006). Kata hubung “dan” dan “tetapi”: satu analisis perbandingan nahu dan pragmatik. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hooykaas, C. 1965. Dlm Perintis Sastera. Raihoel Amar Gelar Datoek Besar (ptjh).1981. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Jaafar Abdul Rahim. 2006.Puisi Usman Awang dan kecerdasan emosi: pengalaman pembaca. *Prosiding Pemikiran Sasterawan Negara Usman Awang*, hlm.141-154.
- Jamaliah Mohd Ali. 1995. The pragmatics of cross-cultural communication in a Malaysian context. Dlm Rules of speaking.1995. Zainab Abdul Majid dan Loga Baskaran (pnyt). Petaling jaya: Pelanduk Publication.

- Kamus Linguistik*.1997. Kuala Lumpur.Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. 2005. Kuala Lumpur.Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Laporan Panel Anugerah Sastera- Puisi. 1983. Dlm Puisi-Puisi Pilihan Sasterawan Negara Usman Awang.1994.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslida Yusof. 1999. Makna bukan literal: kes metafora dan hiperbola. *Jurnal Dewan Bahasa*: Januari 1999. 4-9.
- Muhammad Fauzi Jumingan. 2003. Penterjemahan bahasa figuratif Arab-Melayu: satu analisis teori relevans. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd.Taib Osman.1981. Kesusasteraan Melayu klasik: suatu tinjauan ringkas. Dlm kumpulan esei sastera Melayu lama. Jamilah Hj. Ahmad. (pngr.).1981. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 1992. Implikatur: satu aspek seni berbahasa orang Melayu. Dlm *Jurnal Dewan Bahasa*.Ogos 1992. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 1992. Semantik dan pragmatik: satu pengenalan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Hj.Jalaluddin. 1995. Bahasa jual beli dalam perniagaan runcit: satu analisis semantik dan pragmatik. Tesis Ph.D. Universiti Malaya.
- Nor Hashimah Hj.Jalaluddin. 2003. Bahasa dalam perniagaan: satu analisis semantik dan pragmatik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 1991a. Keimplisitan ujaran: satu analisis teori relevans.*Jurnal Dewan Bahasa* 6: 474-483.
- Puisi-Puisi Pilihan Sasterawan Negara Usman Awang.1994.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sperber, D. & Wilson, D. 2006. Relevance Theory. 2006. [Http://www.dan.sperber.com/relevance_theory.htm](http://www.dan.sperber.com/relevance_theory.htm).
- Sperber, D. & Wilson, D. 2006. Remarks on relevance theory and the social sciences. [Http://dan.sperber.com/rel-soc.htm](http://dan.sperber.com/rel-soc.htm).
- Sperber, D. & Wilson, D. 2006. Metaphor, Relevance and the ‘emergent Property’ Issue .[Http://www.phon.ucl.ac.uk/home/robyn/Wilson-Carston-Metaphor-2006.pdf](http://www.phon.ucl.ac.uk/home/robyn/Wilson-Carston-Metaphor-2006.pdf).
- Salmah Jabbar. 1999. Pentafsiran humor pilihan melalui pendekatan teori relevans. *Jurnal Dewan Bahasa* 4: 358 – 366.
- Tan Mek Leng. 1994. Implikatur perbualan: satu analisis di dalam pertuturan. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Wilkinson, R.J dan Winstedt, R.O. 1957. Pantun Melayu. Singapura: Malay Publishing House.